



## PERMOHONAN BAGI MENGISI JAWATAN KOSONG DI LEMBAGA AIR PERAK

Pemohon-pemohon adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia (keutamaan kepada rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak) yang berkelayakan untuk memohon mengisi kekosongan jawatan dalam perkhidmatan Lembaga Air Perak seperti berikut:-

BIL	NAMA JAWATAN DAN GRED	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	TARAF JAWATAN	KUMPULAN PERKHIDMATAN
1.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19	Pentadbiran dan Sokongan	Kontrak	Pelaksana

### 2. Jadual Gaji :

BIL	NAMA JAWATAN	GRED	Jadual Gaji Minimum	Jadual Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
1.	Pembantu Tadbir	N19	RM 1352.00	RM 4003.00	RM 100.00

### 3. Syarat Lantikan

Bagi semua jawatan calon lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- Warganegara Malaysia.
- Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.

#### 3.1 Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19

- Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,352.00); atau
- Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,408.40); atau
- Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,464.80).

**3.2 Syarat Kelayakan Bahasa Melayu:**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**4. Deskripsi Tugas:**

Menjalankan tugas-tugas perkeranian selaras dengan fungsi tugas Jabatan/Bahagian yang berkenaan seperti tugas-tugas penyelenggaraan fail/dokumen, pengiraan, penyediaan laporan bulanan, statistik serta penyediaan.

**5. Syarat Peningkatan Secara Lantikan (PSL) :**

Had umur pelantikan adalah ditetapkan seperti berikut:-

- (a) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
- (b) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
- (c) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun

**6. PERINGATAN**

Bagi tujuan pelantikan ke Lembaga Air Perak, calon yang memohon jawatan yang mensyaratkan kelayakan masuk Sijil Pelajaran Malaysia perlu memiliki sekurang-kurangnya keputusan berikut:

- a) lulus enam mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua daripada mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus dalam satu peperiksaan; atau
- b) lulus enam mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus yang dikumpulkan dalam dua peperiksaan dalam tempoh tiga tahun berturut-turut; dan
- c) memenuhi syarat kelayakan Bahasa Melayu iaitu Kepujian dan subjek-subjek tertentu seperti mana yang disyaratkan dalam skim perkhidmatan.

**7. CARA MEMOHON**

Borang-borang permohonan jawatan boleh dimuat turun dan dicetak daripada laman sesawang Lembaga Air Perak - <http://www.lap.com.my> beserta syarat syarat dan maklumat jawatan.

**8. ALAMAT PERMOHONAN DAN TARIKH TUTUP**

8.1. Permohonan hendaklah sampai kepada :

**PENGURUS BESAR  
LEMBAGA AIR PERAK  
JALAN ST. JOHN,  
30200 IPOH.  
(U/P: Unit Perjawatan).**

8.2. Tarikh Tutup Permohonan : **10.08.2016 (Rabu)**